

# Buletin PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

*"Merakyatkan Perpustakaan"*

Sekalung tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Dr. Razali b. Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan di atas pelantikan sebagai Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus yang baharu bermula 11 Jun 2018.

Seluruh Warga Kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dr. Razali b. Ab Malik di atas perlantikan tersebut. Kami percaya dengan pengalaman, kredibiliti, dan komitmen yang dimiliki, merupakan kelebihan kepada Yang Berhormat Dr. Razali b. Ab Malik untuk bersama-sama dengan PPANS dalam usaha membangun dan memajukan PPANS secara keseluruhan yang berperanan sebagai penyampai ilmu dan jabatan yang menawarkan perkhidmatan perpustakaan.

Sesungguhnya jawatan yang disandang merupakan satu penghargaan serta amanah yang kami percaya akan dapat dilaksanakan dengan baik oleh Yang Berhormat Dr. Razali b. Ab Malik selaku Pengerusi PPANS. Semoga PPANS akan terus maju di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dr. Razali b. Ab Malik.

Salam Hormat




Jamilah @ Chumila binti Haji Katis  
Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan

**MENARIK**

- 04 PPANS PATRIOTIK**
- 06 IFLA WLIC 2018, KUALA LUMPUR**
- 10 TEMUBUAL BERSAMA:**

- DATO' AHMAD TAMIMI SIREGAR  
BIN KAMARUDDIN
- DATO' CHEF HAJI ISMAIL  
AHMAD
- DATO' JENANG ZAKARIA  
BIN MOHAMAD






5 Julai 2018  
Majlis Amanat dari Tan Sri Dr. Ali Hamsa,  
Ketua Setiausaha Negara



18 Julai 2018  
Majlis Dirgahayu DYMM Tuanku  
Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus



20 Julai 2018  
Program Cardiopulmonary  
Resuscitation (CPR) anjuran  
PUSPANITA Negeri Sembilan



31 Julai 2018  
Majlis Persaraan YBhg. Tuan  
Abdullah bin Yussuf, Ketua Penolong  
Pengarah Bahagian Teknologi  
Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan  
Darul Khusus (BTPNNS)



1 Ogos 2018  
Majlis Perasmian Wanita Inspirasi  
Ekonomi di Ballroom Klana Resort  
anjuran Pejabat MARA Negeri  
Sembilan



24 – 30 Ogos 2018  
IFLA WLIC 2018 Ke-84  
di Kuala Lumpur Convention Centre  
(KLCC)



31 Ogos 2018  
Sambutan Hari Kebangsaan ke-61  
Peringkat Negeri Sembilan di Padang  
Majlis Perbandaran Seremban



5 September 2018  
Kejohanan Boling Jalinan Mesra  
Ketua-ketua Jabatan/Agensi Negeri  
Sembilan 2018



6 September 2018  
Lawatan Kerja oleh Pengarah Audit  
Negara, Negeri Sembilan ke PPANS



6 September 2018  
Lawatan Kerja oleh Pengarah dan  
Kakitangan Jabatan Perpaduan  
Negeri Sembilan ke PPANS

**Sidang Pengarang  
BULETIN PPANS**

**PENAUNG**

YB DR. RAZALI B. AB MALIK  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Merangkap Pengurus  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

**PENASIHAT**

JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS  
Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

**KETUA PENGARANG**

BERDIANA BINTI HAJI BERAHIM  
Penolong Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

**PENOLONG KETUA PENGARANG**

SITI NORSARIZA BINTI MAT RASHID  
Ketua Unit Korporat dan Latihan, PPANS

**GRUP BULETIN PPANS**

Unit Korporat dan Latihan, PPANS  
Unit Gerakan Membaca N.S  
Unit Perolehan  
Unit Media  
Unit Teknologi & Komunikasi  
Bahagian Pelanggan

**OPENGEDARAN & PROMOSI**  
ROHAINIZA BINTI MOHD KHALID

**REKA BENTUK**  
PERCETAKAN CAHAYA MURNI

**JURUFOTO**  
UNIT MEDIA PPANS

**DITERBITKAN OLEH**

UNIT KORPORAT DAN LATIHAN  
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TEL: 06-7635989 / 06-7621308  
FAKS: 06-7635944

Email : [korporatlatihanppans@gmail.com](mailto:korporatlatihanppans@gmail.com)  
Laman Sesawang : [www.nslibrary.gov.my](http://www.nslibrary.gov.my)



Buletin

# PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

"Merakyatkan Perpustakaan"

Sambutan

## HARI KEBANGSAAN MALAYSIA

**"SAYANGI MALAYSIAKU" SEBAGAI TEMA MERDEKA KE-61 TAHUN 2018****Sayangi  
Malaysiaku**

### Tema Sayangi Malaysiaku

**Logo Hari Kebangsaan Ke-61**

Logo simbol rakyat melakukan gerakan riang mengangkat tangan, dengan satu bentuk hati di hadapan menyatukan mereka. Ianya membawa maksud warganegara Malaysia terdiri daripada berbilang bangsa hidup dalam harmoni, seja sekata, bersatu padu dan kasih sayang kepada negara.

### SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN PENUH SEMANGAT PATRIOTIK DAN MERIAH

Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan telah disambut pada 31 Ogos 2018 bertempat di Dataran Majlis Perbandaran Seremban. Sambutan Hari Kebangsaan kali ke-61 ini diraikan oleh pelbagai lapisan masyarakat berbilang kaum. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) turut mengambil bahagian menyertai perbarisan pada hari tersebut.

Turut berangkat ke majlis ini ialah DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud. Turut hadir, Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin, YAB Tuan Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan Barisan Kepimpinan Kerajaan Negeri Sembilan.





## PPANS PATRIOTIK



Pertandingan mendekorasi Perpustakaan sempena sambutan hari kebangsaan ke-61



Latihan Kawad Kaki PPANS

Kakitangan PPANS mengikuti latihan kawad selama 4 hari iaitu pada 7, 9, 15 dan 16 Ogos 2018 sebagai persiapan bagi menyertai perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-61 di Dataran Padang MPS, Seremban. Latihan tersebut telah dijalankan di Padang KOMBES, Paroi di bawah bimbingan Encik Amar Affizi bin Aziz.



Program Jejak Maklumat Merdeka bersama Kolej Cosmopoint, Seremban



Pertandingan Merdeka Fashion Week



Buletin

# PPANS


PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

"Merakyatkan Perpustakaan"

## BUKU TERKINI DI PPANS




**Judul**  
Q&A hadits  
**No. Panggilan**  
297.125 MKS  
**Bahagian**  
Pinjaman  
**Harga**  
RM 20.00  
**Penerbit**  
Galeri Ilmu Sdn Bhd  
**M/s**  
238 ms




**Judul**  
Women in economic and social transformation era  
**No. Panggilan**  
305.4209595 WOM  
**Bahagian**  
Pinjaman  
**Harga**  
RM 45.00  
**Penerbit**  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
**M/s**  
211 ms



**Judul**  
Memahami maqasid syariah  
**No. Panggilan**  
297.272 AUD  
**Bahagian**  
Pinjaman  
**Harga**  
RM 23.00  
**Penerbit**  
PTS Islamika Sdn Bhd  
**M/s**  
236 ms M/S



**Judul**  
Tanah airku bumi ratu  
**No. Panggilan**  
899.233010803 TAN  
**Bahagian**  
Pinjaman  
**Harga**  
RM 26.00  
**Penerbitan**  
MPH  
**M/s**  
193 ms




**Judul**  
Wish girl  
**No. Panggilan**  
F LOF  
**Bahagian**  
Pinjaman  
**Harga**  
RM 36.50  
**Penerbit**  
Razorbill, an imprint of Penguin Group  
**M/s**  
238 ms



**Judul**  
Pahlawan Tegar Merdeka  
**No. Panggilan**  
R355.00922 RAM  
**Bahagian**  
Pinjaman  
**Harga**  
RM 90.00  
**Penerbitan**  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
**M/S**  
638 ms

## Olasan Buku

### Sinopsis



Karya ini mengimbau kembali saat getir negara berhadapan dengan ancaman komunis dan mengetengahkan peranan Pasukan Keselamatan Negara dalam menghadapi pemberontakan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) dari tahun 1968 hingga tahun 1989. Sebagai mewakili keseluruhan anggota keselamatan yang terlibat dalam operasi menentang PKM, pengalaman tokoh-tokoh dalam karya ini amat memberikan makna kepada pembaca. Pengalaman yang diceritakan akan memberikan kesedaran kepada pembaca tentang arti sebuah perjuangan. Walaupun mereka dianggap sebagai wira kecil, namun semangat perjuangan mereka tidak pernah padam malahan sanggup mempertaruhkan nyawa sendiri demi tanah air tercinta. Selain itu, karya ini dapat menambahkan khazanah persuratan tentang sejarah ketenteraan dan dapat dijadikan rujukan oleh pelajar dan masyarakat umum.

## GLOSARI ADAT NEGERI SEMBILAN

### Mengobok di lopak orang

1. Mengambil tahu dan mencampuri hal ehwal orang lain;
2. Melangkahi batasan wilayah lingkungan dan bidang kuasa orang lain, tanpa permintaan atau izin pihak berkenaan atau tertentu

**PPANS menyertai International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) World Library and Information Congress (WLIC) 2018 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 24 – 30 Ogos 2018**

PPANS telah menghantar seramai 11 orang pegawai menyertai Persidangan Perpustakaan di peringkat dunia pada 24 – 30 Ogos 2018 yang lalu.

IFLA merupakan badan antarabangsa terkemuka yang mewakili Perpustakaan, perkhidmatan maklumat, persatuan perpustakaan dan pengguna perpustakaan di seluruh dunia. Ia adalah suara global yang mewakili lebih 500,000 pustakawan dan profesional maklumat dengan lebih 1,400 ahli di hampir 150 negara di dunia. Badan bukan kerajaan ini memperjuangkan kepentingan akses sejagat dan saksama kepada maklumat sebagai satu cara untuk mempromosikan kesejahteraan sosial, pendidikan, budaya, demokratik dan ekonomi dan mempunyai misi perkhidmatan maklumat di seluruh dunia.

WLIC World Library and Information Congress (Kongress SeDunia Perpustakaan dan Maklumat) adalah merupakan persidangan tahunan anjuran IFLA pada setiap bulan Ogos, yang membincangkan bidang kepustakawanan dan maklumat di peringkat antarabangsa. Peserta dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, sebagai perkongsian dan kolaborasi di peringkat antarabangsa dengan 3,000 ke 4,000 peserta daripada 100 buah negara.

Aktiviti yang terlibat dalam WLIC bukan sahaja sebagai peserta persidangan, malahan pembentang kertas kerja, Boulevard perpustakaan, pertandingan poster, lawatan ke perpustakaan, sukarelawan, mesyuarat satelit, mesyuarat professional IFLA dan lain-lain berkaitan WLIC.

Sebanyak 249 sesi profesional dijalankan secara serentak yang meliputi semua jenis perpustakaan dan hal berkaitan bidang kepustakawanan dan maklumat. Antaranya dalam bidang penyelidikan; literasi media dan maklumat; pengurusan pengetahuan; teknologi maklumat; kepimpinan; pengurusan dan pemasaran; perpustakaan digital; pemeliharaan dan pemuliharaan bahan; manuskrip; serta pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan.

Penganjuran IFLA WLIC 2018 telah memberi satu pengalaman yang berharga kepada para peserta kerana dapat berkongsi pengalaman profesional mereka bersama pustakawan antarabangsa dan menjalin hubungan antarabangsa dengan cara yang unik. Selain itu, persidangan ini telah membuka peluang kepada PPANS untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan maklumat yang ditawarkan di PPANS dengan menyertai Boulevard Perpustakaan iaitu Perkhidmatan Samsung Smart Library dan Koleksi Negeri Sembilan. Sambutan terhadap kedua-dua perkhidmatan ini mendapat tarikan daripada banyak pihak luar dan dalam negara.

Selain itu, para peserta PPANS turut mengikuti lawatan ke Perpustakaan Sekolah Kebangsaan Bandar Anggerik, Shah Alam dan Perpustakaan Pusat Komuniti Putrajaya.

Yang Berhormat Dr. Razali bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Pengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan turut hadir bersama ketika Majlis Perasmian IFLA WLIC 2018 ke-84 tersebut.



# Buletin PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

"Merakyatkan Perpustakaan"





## FOKUS LENSA



Program Cardiopulmonary Resuscitation (Cpr) Anjuran Puspanita Negeri Sembilan Yang Dirasmikan Oleh Ybhg. Dr. Hasnah Binti Mohamad, Pengurus Puspanita Negeri Sembilan Pada 20 Julai 2018



Lawatan Kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Bersama Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan Ke Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang Pada 2 Ogos 2018



Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2018 Anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Pada 6 Ogos 2018



Bengkel Penyediaan Slaid Powerpoint Kepada Kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Pada 14 Ogos 2018



Bengkel Penggunaan Sistem Kewangan Berkomputer Kepada Kakitangan Unit Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan



Lawatan Belajar Oleh Pelajar Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan (Fkip) Universitas Bung Hatta, Indonesia Ke Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Pada 27 September 2018



## FOKUS LENSA



World Quran Hour Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Pada 30 Ogos 2018



Lawatan Kerja Oleh Encik Zakri Bin Mamat, Pengarah Audit Negara Negeri Sembilan Dan Kakitangannya Ke Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Pada 6 September 2018



Lawatan Kerja Oleh Puan Salasiah Binti Hashim Pengarah Perpaduan Negeri Sembilan Dan Kakitangannya Ke Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Pada 6 September 2018



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 Disampaikan Oleh Yab Tuan Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Pada 13 September 2018 Di Klana Resort, Seremban



Kunjungan Oleh Konsultan Perpustakaan Dari Brussels, Belgium Ke Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Pada 13 September 2018



## BICARA TOKOH

### Bicara Tokoh

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

PPANS mengambil inisiatif dengan turun padang bagi mengadakan rakaman Sejarah Lisan bersama tokoh-tokoh Negeri Sembilan. Hasil daripada rakaman ini akan dijadikan sebagai bahan koleksi di Bahagian Koleksi Negeri Sembilan dan akan menjadi suatu khazanah ilmu yang bernilai bagi rujukan masyarakat Negeri Sembilan khususnya.



Dato' Chef Haji Ismail Ahmad

Rakaman Sejarah Lisan bersama Dato' Chef Haji Ismail Ahmad telah dijalankan di Restoran Rebung Chef Ismail di Taman Botani Perdana pada 9 Ogos 2018 (Khamis).

Membicarakan tentang pengalaman kerjaya sebagai seorang Chef Selebriti. Beliau telah berkecimpung dalam bidang masakan lebih daripada 30 tahun. Dilahirkan di Rembau, Negeri Sembilan. Masih aktif menerima undangan memasak di merata-rata tempat termasuk di luar Negara.



Dato' Ahmad Tamimi Siregar Bin Kamaruddin

Unit Media & Koleksi Negeri Sembilan telah mengadakan sesi Rakaman Sejarah Lisan bersama tokoh Dato' Ahmad Tamimi Siregar bin Kamaruddin pada 20 Mac 2018 bertempat di kediaman beliau di Bukit Bandaraya Bangsar. Beliau merupakan seorang seorang anak Negeri Sembilan yang telah menabur bakti selama lebih 40 tahun dalam arena seni. Membicarakan tentang pengalaman kerjaya sebagai penerbit, pengarah teater dan perjalanan sebagai anak seni yang bergiat aktif dalam pelbagai cabang seni iaitu lakonan nyanyian, tarian, teater, pengarahan dan juga suara latar untuk iklan-iklan radio dan anima



Dato' Jenang Zakaria Bin Mohammad

Beliau pernah berkhidmat sebagai anggota polis (SB) dan setelah bersara, pada 17 April 2008 beliau telah dilantik sebagai Dato Jenang di Balai Undang Johol dan menyandang jawatan tersebut sehingga kini. Dato Jenang memainkan peranan yang penting dalam setiap istiadat di Balai Undang. Dilahirkan di Kg. Gemencheh pada tahun 1949.

**BERSAMA KOMUNITI**



Sekolah Jenis Kebangsaan  
Tamil Ladang Kirbi



Sekolah Kebangsaan  
Temiang Seremban



Sekolah Rendah Al-Amin,  
Nilai



Sekolah Menengah Kebangsaan  
Dato' Mohd Said, Nilai



Pameran Samsung Smart  
Library di Program  
Seremban Education Day

Pada 5 Julai 2018



Program Promosi Ahli Perpustakaan Sempena Kempen Derma Darah Di Restoran Seremban 2 Yang Dirasmikan Oleh Yb Puan Mary Josephine Prittam Singh, Adun Rahang Pada 29 Julai 2018



Pameran Samsung Smart Library @ Karnival Pendidikan Dan Motivasi Smk Datuk Undang Abdul Manap 2018 Pada 8 Ogos 2018



Buletin

# PPANS


PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

"Merakyatkan Perpustakaan"

## WAGHIH MEMBACA



## WAGHIH MEMBACA





Buletin

# PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

"Merakyatkan Perpustakaan"

## PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



Melawat Pasar Besar Seremban bersama Dipertua Majlis Perbandaran Seremban, Dato' Haji Abd Halim Abd Latif, YB Teo Kok Seong dan YB Nicole Tan Lee Koon bagi melihat kerja-kerja pembaikan.



Menghadiri Majlis Pelancaran Kejohanan Hoki Piala Tuan Haji Aminuddin bin Harun di Stadium Hoki Seremban 2.



Menyempurnakan Majlis Penutup Komander Kesatria Endurance Challenge 2018 Peringkat Negeri Sembilan di UiTM Seremban 3.



Bersama di Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia 2018 di ITQAN Gemencheh.

**PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT**

7 OGOS 2018



Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang sempena Hari kebangsaan 2018 Peringkat Negeri Sembilan

11 OGOS 2018



Menghadiri Program Pemimpin Turun Padang DUN Gemas

19 OGOS 2018



Majlis Perasmian Karnival Sekolah sempena Sambutan Ulang Tahun ke-100 Tahun Penubuhan SJKC Chan Wa, Seremban

31 OGOS 2018



Menghadiri Sambutan Bulan Kebangsaan kali ke-61 bagi tahun 2018 di Padang Majlis Perbandaran Seremban



## PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



Menghadiri Majlis Penutup Ijtimal Kelab Falak Peringkat Kebangsaan di Klana Resort, Seremban



Menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan 2017 di Klana Resort, Seremban



Menghadiri Program Gunung Angsi Challenge 2018 di Ulu Bendul



Menghadiri Seminar Fiqh Kewarganegaraan Dalam Konteks Malaysia Baharu yang dianjurkan oleh ABIM Negeri Sembilan